

21/06/1999

Kekeliruan ahli Umno kini terjawab

PERHIMPUNAN Agung Umno yang berakhir semalam menjawab banyak kekeliruan di kalangan ahlinya selepas parti dan pucuk pimpinan diasak dengan pelbagai tohmahan serta fitnah berikutan penyingkiran Datuk Seri Anwar Ibrahim. Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan perasmianya Jumaat lalu, mendedah dan mengulas secara terperinci rentetan peristiwa dan sebab yang membawa kepada penyingkiran Anwar termasuk usaha Timbalan Perdana Menteri itu menjatuhkan pucuk pimpinan. Ini termasuk adanya usaha kuasa asing untuk mengambil kesempatan menanggung di air keruh. Perhimpunan kali ini juga menyaksikan pucuk pimpinan Umno memberi penjelasan panjang lebar bahawa tidak ada sebarang konspirasi terhadap Anwar sebaliknya bekas Timbalan Presiden itu pula menyusun satu pakatan halus untuk menjatuhkan Dr Mahathir. Dengan menggunakan rangkaian penyokong setianya, usaha politik kotor dibuat bagi menanamkan kebencian terhadap Presiden. Perlakuan buruknya juga dilihat sebagai orang Melayu yang tidak lagi layak untuk terus kekal menjadi ahli Umno.

Dr Mahathir yakin penjelasan beliau di Perhimpunan Agung terakhir dalam dekad ini, dapat diterima oleh perwakilan kecuali mereka yang disifatkan sebagai kepala batu. Dalam ucapan menggulung perbahasan pula, Dr Mahathir sekali lagi menyentuh panjang lebar mengenai isu Anwar apatah lagi selepas satu kenyataan dikeluarkan dari penjara sebagai percubaan menangkis segala penjelasan yang diberikan oleh Presiden. Dr Mahathir berbuat demikian kerana tidak mahu perwakilan Umno yang diamanahkan untuk memberi penjelasan apabila pulang ke bahagian masing-masing, terus dikelirukan terutama ketika persiapan akhir sedang dibuat menghadapi pilihan raya yang bakal menjelang. Semuanya demi memastikan umat Melayu terus berkuasa di bumi bertuah ini.

Dengan penjelasan pucuk pimpinan Umno diketuai Dr Mahathir, Umno yakin semua ahlinya tidak lagi mudah termakan tohmahan dan tunduk kepada adu domba angkara parti pembangkang dan juga penyokong Anwar. Kini satu demi satu bukti bahawa adanya konspirasi untuk merebut kuasa dalam Umno terbongkar. Senarai kroni Anwar yang menerima projek penswastaaan dan peruntukan saham bagi memastikan rancangan licik politik beliau berjaya, juga sudah diketahui.

Malah semalam, bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi sendiri mengaku beliau diperalatkan bekas Timbalan Presiden itu untuk kepentingan politiknya. Zahid secara terbuka meminta maaf kepada Dr Mahathir mendedahkan beliau disuruh oleh Anwar menggembar-gemburkan kononnya kerajaan mengamalkan kronisme dan nepotisme ketika perhimpunan tahun lalu. Senarai kelmarin itu jelas menunjukkan amalan itu tidak berlaku kerana agihan dilakukan secara adil. Tuduhan itu hanyalah usaha bekas Timbalan Perdana Menteri itu untuk menjatuhkan pucuk pimpinan parti.

Sesungguhnya komitmen dan iltizam baru perwakilan dan ahli yang dilahirkan pada perhimpunan ke-53 ini perlu digunakan sebaik-baiknya untuk bersatu padu - melebihi perpaduan yang pernah dijalin pada masa lalu. Seluruh anggota Umno mesti bersatu memacu usaha untuk kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya akan datang. Umno kekal hidup malah berjaya menyatupadukan rakyat lebih setengah abad. Sesungguhnya tidak banyak parti politik yang berjuang untuk mencapai kemerdekaan kekal selama umur Umno. Kebanyakannya luput dan hilang sejurus kemerdekaan dicapai.

Sememangnya tidak ada yang akan kekal di dunia ini termasuk parti politik. Tetapi riwayat Umno tidak perlu dipendekkan hanya kerana ahlinya

tidak mahu berwaspada membelainya atau kerana ahli gila kuasa dan ada pula yang menjadikannya landasan untuk berseteru sesama sendiri. Ini kerana perjuangan Umno masih belum selesai demi kepentingan Melayu. Banyak lagi yang perlu dibuat oleh Umno. Sehingga kini hanya Umno satu-satunya parti berwibawa yang boleh menjamin kedudukan Melayu dan dapat memperjuangkan hak mereka dengan berkesan.

Kejayaan dalam sesuatu perjuangan juga tidak akan kekal kerana cabaran dan bahaya terdapat di sepanjang liku. Justeru, penting bagi ahli Umno bersiap sedia sepanjang masa, bersatu-padu dan berhati-hati terhadap segala percubaan menggagalkan mereka. Lantaran itu, usaha perwakilan kini ialah untuk menjelaskan kepada akar umbi apa sebenarnya yang berlaku bagi menangkis segala tohmahan yang amat berleluasa sekarang ini. Walaupun pemimpin tidak akan kekal dan boleh dicari ganti, Umno mesti terus berdiri kuat dan bertahan demi menjaga kedaulatan dan martabat orang Melayu.

(END)